

**SEMINAR:**

**KEBOLEHTERIMAAN KENYATAAN  
TERTUDUH DIBAWAH SEKSYEN 27  
AKTA KETERANGAN 1950**

**DR. ZURAINI AB HAMID  
AIKOL, IIUM**

## S.27 Sebanyak mana maklumat yang diterima daripada tertuduh boleh dibuktikan

(1) Apabila apa-apa **fakta** dideposkan sebagai telah ditemui hasil daripada maklumat yang diterima **daripada orang yang dituduh melakukan apa-apa kesalahan semasa dalam jagaan seseorang pegawai polis**, sekian banyak daripada maklumat itu yang jelas berhubung dengan fakta yang ditemui sedemikian boleh dibuktikan sama ada maklumat itu terjumlah kepada **pengakuan salah atau tidak**

## SYARAT KEBOLEHTERIMAAN SEKSYEN 27

*Case: Pulukuri Kotayya [1947]*

Maklumat yang diterima mestilah datang daripada orang yang dituduh melakukan apa-apa kesalahan



Orang yang dituduh tersebut mestilah berada di dalam jagaan pegawai polis sewaktu maklumat diberikan



Fakta mestilah dideposkan sebagai telah ditemui hasil daripada maklumat tersebut



Maklumat tersebut jika jelas berhubung dengan fakta yang ditemui boleh dibuktikan tanpa mengira maklumat itu terjumlah kepada pengakuan salah atau tidak

# 1) Maklumat yang diterima mestilah datang daripada orang yang dituduh melakukan apa-apa kesalahan

- Suffian LP, *Chong Soon Koy v Public Prosecutor* [1977] 2 MLJ 78:

“It is submitted that the information supplied by the accused was not admissible, since he was arrested under section 73(1) ISA and at the time he gave the statement he was not ‘a person accused of any offence’ within section 27. There is no merit in this argument, since **these words mean ‘a person accused at the time or subsequently of any offence’**”.

Isu: Adakah maklumat yang diberikan oleh tertuduh bukan secara sukarela (*involuntarily*) boleh diterima oleh mahkamah di bawah seksyen 27 AK 1950?

1) Pendapat 1

Raja Azlan Shah J, *Chandrasekaran v Public Prosecutor* [1971] 1 MLJ 153  
walaupun maklumat yang diperolehi daripada tertuduh bukan secara sukarela,  
maklumat tersebut masih boleh diterima oleh mahkamah di bawah seksyen 27.

## 2) Pendapat 2

Gopal Sri Ram JCA, *Md Desa bin Hashim v Public Prosecutor* [1995] 3

**MLJ 350:** maklumat yang diperolehi daripada tertuduh bukan secara sukarela tidak boleh diterima oleh mahkamah kerana s.27 ditadbir oleh s.24 Akta Keterangan 1950.

■ Walaubagaimanapun

*i) Goi Ching Ang v Public Prosecutor [1999] 1 MLJ 507*

*ii) Public Prosecutor v Krishna Rao a/l Gurumurthi [2000] 1 MLJ 274*

## 2) Orang yang dituduh tersebut mestilah berada di dalam jagaan pegawai polis sewaktu maklumat diberikan

- Prinsip am: sewaktu maklumat diberikan, orang yang dituduh mestilah berada di dalam jagaan pihak polis.
- Pengecualian: walaupun orang yang dituduh pada ketika dia memberikan maklumat, dia bukan di dalam jagaan sebenar pihak polis, dia tetap dikira sebagai menyerahkan dirinya kepada jagaan pihak polis apabila dia bersetuju untuk memberikan maklumat tersebut.
- Maksud 'jagaan' di sini tidak terhad hanya kepada di bawah jagaan pihak polis selepas tahanan formal dilakukan.
- *State of UP v Deoman Upadhyaya [1961] 1 SCR 14,*
- *Soh Ten Seng v Public Prosecutor [1964] MLJ 380*



### 3) Fakta mestilah dideposkan sebagai telah ditemui hasil daripada maklumat tersebut

- Bukti mestilah ditunjukkan bahawa fakta yang ditemui adalah hasil daripada maklumat yang diterima oleh orang yang dituduh.
- *Wai Chan Leong v Public Prosecutor [1989] 3 MLJ 356, 358 (SC)*
- *Public Prosecutor v Tan Ngak Phiew [1990] 2 CLJ 843 (HC),*

## Isu: Adakah benda yang ditemui mestilah sesuatu yang disembunyikan?

- Perkataan '*discover*' yang terkandung di dalam s.27 AK 1950, secara literalnya ia bermaksud sesuatu yang ditemui itu mestilah bersifat tersembunyi (*hidden*).
- *Black's Law Dictionary (6<sup>th</sup> Ed)* mendefinisikan perkataan '*discover*' sebagai:  

*"To uncover that which was hidden, concealed or unknown from every one. To get first sight or knowledge of; to get knowledge of what has existed but has not therefore been known to the discoverer"*.
- ***MP State v Dhannalal Moruji [1961] 2 Cr LJ 238***
- ***State of Himachal Pradesh v Jeet Singh (1999)***

#### 4) Maklumat tersebut jika jelas berhubung dengan fakta yang ditemui boleh dibuktikan tanpa mengira maklumat itu terjumlah kepada pengakuan salah atau tidak

- Apabila ketiga-tiga syarat yang dibincangkan sebelum ini boleh dibuktikan, maka maklumat tersebut jika jelas berhubung dengan fakta yang ditemui boleh dibuktikan tanpa mengira maklumat itu terjumlah kepada pengakuan salah atau tidak.
- *Public Prosecutor v Toh Ah Keat [1977] 2 MLJ 87*

# ISU-ISU YANG DITIMBULKAN DI MAHKAMAH

- 1) Saksi yang mendapatkan fakta baru atau yang “dipandu arah” oleh tertuduh gagal menjelaskan apakah soalan sebenar yang dikemukakan kepada tertuduh.

*C: Y Jeyamuraly Yesiah v PP [2007] 5 CLJ 605, Amathevelli Ramasami v PP [ 2009] 3 CLJ 109, PP v Khoo Boo Hock [1990] 1 CLJ 61, etc*

- 2) Segala soalan dan kenyataan (exact words) daripada tertuduh haruslah ditulis atau dibuat catatan

*Hasamudin Telen v PP [2002] 2 CLJ 504 Mahkamah rayuan.*